

# MB bebas menghadap sultan: PM

B.H. 14 DEC 1992

EC 1992

Oleh Othman Mamat

LANGKAWI, Ahad — Semua Menteri Besar bebas menghadap Sultan atau raja masing-masing bagi menjelaskan pendirian Kerajaan Pusat berhubung cadangan pindaan Perlembagaan bagi menghapuskan kekebalan raja-raja di sisi undang-undang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata terpujalah kepada budi bicara Menteri Besar untuk berbuat demikian. Kerajaan Pusat tetap dengan keputusannya meminda Perlembagaan.

Perdana Menteri yang diminta mengulas kesediaan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib untuk menghadap Sultan Selangor bagi memberi penjelasan, berkata Kerajaan Pusat tidak mempunyai masalah sekiranya Menteri Besar mahu menghadap raja masing-masing sama ada untuk memberi penjelasan atau mendapatkan persetujuan mereka.

Perdana Menteri berada di sini untuk lawatan sehari meninjau persiapan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) tahun depan dan masalah pencemaran di pulau ini.

Semalam Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) bersetuju sebulat suara meminda Seksyen 181

## ISU SULTAN JOHOR

(2) dan 38 (4) bagi membatalkan kekebalan raja-raja di sisi undang-undang.

Ditanya mengenai tindakan ke atas mereka yang terbabit dengan dakwaan jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Douglas Gomez yang dia dipukul, Dr Mahathir berkata: "Kerajaan sudah menyatakan pendirian bahawa sesiapa juga yang terbabit melanggar undang-undang, yang tidak dilindungi keistimewaan hak yang ada pada raja-raja, tetap akan dikenakan tindakan, tidak kira sama ada mereka anggota tentera Timbalan Setia atau pegawai peribadi (Sultan Johor)".

Ketika ditanya sama ada Perisytiharan Raja-Raja tidak lagi penting sekiranya Perlembagaan dipinda, Perdana Menteri berkata, ia akan dikekalkan walaupun diakui Perisytiharan itu tidak begitu berkesan kerana masih ada raj a-raj a yang enggan

menandatagani.

Dr Mahathir menjelaskan Perisytiharan Raja-Raja yang ditandatangani tidak lama dulu tidak akan bertindih dengan pindaan perlembagaan yang dicadang dilakukan bulan depan.

Sehubungan itu, katanya, perisytiharan itu akan dikekalkan walaupun didapati kurang berkesan kerana tidak ditandatangani oleh tiga Sultan.

Sultan Johor, Kedah dan Kelantan dipercayai masih belum menurunkan tanda tangan pada perisytiharan itu walaupun Sultan lain sudah berbuat demikian.

"Kita akan megekalkan (perisytiharan) kerana langkah itu tidak menimbulkan masalah," katanya.

Mengenai pasukan tentera Timbalan Setia Johor (JMF) yang berkhidmat terus kepada Sultan Johor, Dr Mahathir berkata, pasukan itu boleh dibubar atau diserapkan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba dilaporkan berkata Kabinet akan membuat keputusan sama ada pasukan tentera Timbalan Setia yang berkhidmat terus kepada Sultan Johor itu perlu dikekalkan atau sebaliknya.